

LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN

FRG0185-NSH-2/2009
PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL

SEJARAH MASYARAKAT LUNDAYEH:
KAJIAN MENGENAI ASAL USUL, MIGRASI DAN PETEMPATAN
DI DAERAH SIPITANG,
1945-2000

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Prof. Madya Dr. BILCHER BALA (Ketua Penyelidik)
BASZLEY BEE BASRAH BEE
NORDIN SAKKE
Dr. PAUL PORODONG
JANE WONG KON LING
LOKMAN ADBUL SAMAD
SAAT AWANG DAMIT
AZIZAN HJ MORSIDI

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2011



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 SINOPSIS

Lundayeh adalah salah satu kumpulan etnik kecil di Sabah dan kurang dikenali dalam bidang akademik dan pengetahuan umum yang disebabkan oleh penduduk mereka telah dimasukkan sebagai kumpulan sub-etnik di bawah klasifikasi 'Murut' secara umum. Dalam perangkaan rasmi, penduduk Lundayeh telah diklasifikasikan sebagai 'Murut Lundayeh' di bawah kategori 'Bumiputra Lain-Lain'. Setakat ini terdapat kajian dilakukan oleh Jay Bouton Crain mengenai beberapa aspek antropologi budaya, seperti rumah panjang (1970); perkahwinan dan (1970); organisasi bertani (1963); ritual bertani (1976); sistem bertani padi sawah (1993) dan; permasalahan konstruksi pengetahuan masa lampau dan kini terhadap pengkajian tentang Lundayeh (2000). Sebuah kajian mengenai aspek sosio-budaya masyarakat Lundayeh secara umum berasaskan penelitian perpustakaan telah diterbitkan oleh Bilcher Bala (2007). Kajian Crain pada tahun 1970, ada mengesahkan bahawa terdapat 11 petempatan masyarakat Lundayeh di seluruh Sabah. Kini, di Daerah Sipitang sahaja, jumlah petempatan mereka meningkat kepada 16 buah (daripada 29 buah di seluruh Sabah). Aktiviti penyelidikan mengenai masyarakat Lundayeh di Sabah masih amat kurang dilakukan. Mereka dikatakan amat mundur pada tahun 1970, tetapi kini, mereka merupakan sebuah contoh masyarakat pribumi yang progresif sehingga mencapai kesejahteraan hidup (dalam pendidikan dan pekerjaan berkolar putih) dan juga dinamik menyesuaikan diri dalam hubungan dengan pelbagai kumpulan etnik lain di Sabah. Perkahwinan campur dan migrasi keluar meninggalkan petempatan tradisional (kampung) adalah satu fenomena yang dominan. Masyarakat Lundayeh telah berubah menjadi sebuah masyarakat moden. Sebagai kesannya, warisan budaya tradisi mereka kian pupus. Hal ini menjadi satu cabaran masa depan terhadap identiti mereka. Asal usul dan sejarah budaya tradisional mereka sedang mengalami proses kepupusan akibat pengaruh budaya dominan, pemodenan dan globalisasi. Kini telah timbul kesedaran untuk menghidupkan semula elemen ekstrinsik dalam budaya tradisional mereka semata-mata untuk 'pameran hidup' dalam Pesta Kebudayaan Sabah. Hakikatnya, masyarakat Lundayeh memerlukan usaha penyelidikan yang segera untuk mendokumentasikan warisan mereka sebelum semuanya pupus.



1.2 SYNOPSIS

Lundayeh is one of a small ethnic group in Sabah and is less known in academic field and public knowledge due to their population has been included as sub-ethnic group under the 'Murut' classification in general. In official statistics, the Lundayeh population has been classified as a 'Murut Lundayeh' under the category of "Other Natives". Currently, there are studies done by Jay Bouton Crain on some aspects of cultural anthropology, such as the long house (1970); marriage (1970); organization of farming (1963); rituals of farming (1976); system of rice farming (1993) and; construction problems of the past and present knowledge on the study of Lundayeh (2000). A study of the socio-cultural aspects of Lundayeh society in general based on library research has been published by Bilcher Bala (2007). Crain's study in 1970, have confirmed that there are 11 settlements of the Lundayeh communities throughout the state. In Sipitang District alone, the number of their settlements has increased to 16 (of 29 throughout the state) at present. They are said to be very backward in 1970, but now, they were an example of a progressive indigenous communities to achieve well-being (in education and white collar jobs) and to adapt dynamically in conjunction with various other ethnic groups in Sabah. Inter-marriage and migration out from the traditional settlements (villages) is a dominant phenomenon. Lundayeh society has been transformed into a modern society. As a result, their traditional cultural heritages are slowly disappearing. This is a future challenge to their identity. The origin and history of their traditional culture is undergoing a process of extinction due to the influence of the dominant culture, modernization and globalization. Now there has been recognition for reviving the extrinsic elements of their traditional culture just to 'show up' in Sabah Cultural Festival. In fact, the Lundayeh community that needs immediate research effort to document their heritage before it's all disappears.